

1.

Negara kita kaya dengan hasil hutan.
Apakah negara pengimport utama hasil-hasil hutan tersebut?

- I Siam
- II Jepun
- III Aceh
- IV Burma

- ☐ A I dan II
- ☐ B I dan IV
- ☐ C II dan III
- ☐ D III dan IV

2.

Barangan berikut diperlukan oleh pedagang Eropah daripada negara Timur.

Tembikar

Barang tersebut dihasilkan oleh negara

- ☐ A Jepun
- ☐ B China
- ☐ C Siam
- ☐ D India

3.

Pernyataan berikut menunjukkan fungsi pusat pendidikan formal.

- Dilaksanakan secara kelas
- Mempunyai sukatan pelajaran

Apakah pusat pendidikan formal tersebut?

- ☐ A Istana
- ☐ B Madrasah
- ☐ C Masjid
- ☐ D Pendidikan pondok

4.

Mengapakah kuasa-kuasa Barat sanggup berperang untuk mendapatkan tanah jajahan?

- ☐ A Mendapatkan barangan dagangan
- ☐ B Mendapatkan kuasa
- ☐ C Mendapatkan sanjungan
- ☐ D Mendapatkan penghormatan

5.



Menganalisis

Apakah iktibar yang kita peroleh daripada penguasaan kuasa Barat ke atas negara kita dengan pelbagai strategi dan taktik?

- ☐ A Sentiasa bersiap siaga menangani ancaman negara
- ☐ B Mengagungkan budaya Barat
- ☐ C Mengutamakan kepentingan individu
- ☐ D Menganggap sejarah hanya mitos

6.

Konstruk Mengaplikasi

Pernyataan berikut berkaitan dengan tindakan yang telah dilakukan oleh kerajaan British.

Menggalakkan ekspedisi ke Timur

Bilakah bermulanya galakan tersebut dilakukan?

- ☐ A Abad ke-16
- ☐ B Abad ke-17
- ☐ C Abad ke-18
- ☐ D Abad ke-19

7.

Konstruk Mengingat

Apakah selat yang memisahkan wilayah pengaruh British dan Belanda di Alam Melayu?

- I Selat Sunda
- II Selat Melaka
- III Selat Singapura
- IV Selat Magellan

- ☐ A I dan II
- ☐ B I dan IV
- ☐ C II dan III
- ☐ D III dan IV

8.

Konstruk Memahami

Apakah tujuan Pejabat India dibentuk pada tahun 1858?

- ☐ A Mentadbir Negeri-negeri Melayu
- ☐ B Mengawal Negeri-negeri Selat
- ☐ C Mentadbir wilayah India
- ☐ D Mengawasi pentadbiran British India

9.



Mengingat

Apakah undang-undang yang digunakan di Negeri-negeri Selat semasa dibawah Pejabat India?

- ☐ A Hukum Kanun Melaka
- ☐ B Undang-undang India
- ☐ C Undang-undang British
- ☐ D Undang-undang Negeri

10.

Konstruk

Menganalisis

Apakah iktibar yang dapat kita ambil daripada pembentukan dan pentadbiran Negeri-negeri Selat?

- ☐ A Bijak dalam membuat muslihat
- ☐ B Sentiasa merebut peluang yang ada
- ☐ C Bijak membuat perancangan dalam sesuatu perkara
- ☐ D Pentadbiran yang sistematik dan urus tadbir yang baik penting bagi melindungi kepentingan negara

11.

Konstruk

Mengingat

Bilakah bermulanya aktiviti perlombongan bijih timah yang diusahakan oleh orang Melayu di negara kita?

- ☐ A Abad ke-14
- ☐ B Abad ke-15
- ☐ C Abad ke-16
- ☐ D Abad ke-17

12.

Konstruk

Memahami

Rajah berikut berkaitan dengan aktiviti perlombongan emas di Pahang.

Catatan X



Menyatakan emas telah menjadi bahan eskport Pahang sejak abad ke-13.

Apakah catatan X tersebut?

- ☐ A Catatan Portugis
- ☐ B Catatan China
- ☐ C Catatan India
- ☐ D Catatan Arab

13.



Menganalisis

Jadual berikut merujuk kepada masalah yang membuka peluang campur tangan British di negeri-negeri Melayu pada abad ke-19.

Negeri	Masalah
Perak	Perang Larut
Selangor	Perang Klang
Pahang	X

Apakah X?

- ☐ A Perselisihan pelombong emas di Raub
- ☐ B Pembunuhan lelaki berbangsa Cina
- ☐ C Pertikaian hak memungut cukai
- ☐ D Perebutan penggiliran takhta

14.

Konstruk

Mengaplikasi

Kota berikut telah dibina oleh Belanda di Pulau Pangkor pada tahun 1670.

Kota Belanda

Apakah tujuan pembinaannya?

- ☐ A Benteng pertahanan
- ☐ B Menyimpan bijih timah
- ☐ C Membekalkan makanan
- ☐ D Pelabuhan persinggahan

15.

Konstruk

Menganalisis

British telah membentuk Negeri-negeri Melayu Bersekutu melalui Perjanjian Persekutuan 1895.

Apakah kesan pembentukan tersebut?

- ☐ A Pembahagian kawasan pengaruh
- ☐ B Pengurangan kemasukan imigran
- ☐ C Penghakisan kuasa Raja-raja Melayu
- ☐ D Pembubaran Majlis Mesyuarat Negeri

16.

Konstruk

Mengingat

Pada tahun 1843, Syed Hussin Jamalullail telah ditabalkan sebagai Raja Perlis. Pertabalan tersebut mendapat pengiktirafan daripada _____.

- ☐ A Kerajaan Kedah
- ☐ B Kerajaan Parsi
- ☐ C Kerajaan India
- ☐ D Kerajaan Siam

17.



Konstruk Mengingat

Siapakah tokoh yang Maharaja Siam iktiraf sebagai Raja Perlis yang pertama?

- ☐ A Long Yunus
- ☐ B Sultan Mudzaffar Shah
- ☐ C Syed Hussin Jamalullail
- ☐ D Sultan Zainal Abidin I

18.

Konstruk Mengingat

Siapakah yang melaksanakan pemodenan Johor?

- ☐ A Long Yunus
- ☐ B Maharaja Abu Bakar
- ☐ C Dato' Seri Amar Diraja
- ☐ D Dato' Bentara Dalam

19.

Konstruk Mengingat

Pentadbiran British telah menubuhkan Majlis Mesyuarat Negeri (MMN). Keahliannya adalah berdasarkan lantikan daripada

- ☐ A Gabenor British
- ☐ B Residen Jeneral British
- ☐ C Residen Konsular British
- ☐ D Sultan Negeri

20.

Konstruk Menganalisis

Perjanjian Bangkok 1909 ditandatangani oleh British dan Siam pada 10 Mac 1909. Apakah kepentingan perjanjian tersebut terhadap Negeri-negeri Melayu Tidak Bersekutu?

- ☐ A Menerima seorang Penasihat British
- ☐ B Menyelesaikan masalah sempadan
- ☐ C Menghantar ufti kepada British
- ☐ D Memperakui ketuanan British